

DATE: 30/ 8/ 2008

BN pelihara kestabilan

BH- 30/8/2008
Tingkat kemakmuran ekonomi, pertahan mandat rakyat

Bajet 2009

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kerajaan Barisan Nasional (BN) akan terus memelihara kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran ekonomi negara demi mempertahankan mandat yang diberi rakyat pada pilihan raya umum lalu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak rakyat menolak usaha pihak tertentu yang cuba menggugat kestabilan itu dengan merampas kuasa secara tidak sah.

"Kita tidak boleh membenarkan ketidakpastian yang timbul untuk berterusan. Sedikit sebanyak ia akan memberi kesan negatif kepada pe-labur asing, sentimen ekonomi dan pasaran modal.

"Saya tidak akan membenarkan gangguan ini diteruskan. Saya tidak akan membenarkan mandat rakyat dirampas daripada BN yang menang majoriti pada pilihan raya umum secara sah dan mengikut lunas demokrasi," katanya ketika membentangkan Bajet 2009.

Sambil melahirkan keyakinan bahawa rakyat akan terus memberi sokongan kepada kerajaan BN untuk mentadbir negara, beliau berkata, kerajaan perlu terus melaksanakan tanggungjawabnya dan tidak membuang masa melayani ancaman untuk merampas mandat rakyat secara tidak demokratik.

Dalam ucapan kira-kira 90 minit itu, Abdullah berkata,



RANGSANG EKONOMI: Abdullah bersama Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak memegang buku Bajet 2009 selepas pembentangan di Parlimen, semalam.

Bajet 2009 membuktikan sekali lagi kerajaan BN sentiasa mendengar rintihan rakyat dan bertindak meringankan beban setiap lapisan masyarakat.

Beliau berkata, kerajaan BN akan terus mentadbir ekonomi negara dengan penuh beramanah tanpa membuat janji populis seperti dicanakan pembangkang yang boleh memusnahkan kedudukan kewangan kerajaan dan mewariskan negara yang mufis kepada generasi muda.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan, berkata kestabilan politik negara wajib dipelihara secara bersama

oleh badan politik, badan bu-kan kerajaan, sektor swasta dan media yang mempunyai tanggungjawab bersama membina sebuah negara yang aman, damai, teguh dan bersatu.

"Rakyat tidak akan dimak-

“Saya tidak benarkan mandat rakyat dirampas daripada BN yang menang majoriti”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

murkan dan negara tidak dapat dibangunkan hanya dengan retorik politik. Budaya berpolitik yang keterlaluan merugikan setiap kita, malah menjejaskan kemakmuran negara,” katanya.

Beliau juga berkata, oleh kerana keamanan dan kemakmuran negara adalah tanggungjawab bersama, kerajaan memerlukan persefahaman dan peranan konstruktif semua lapisan masyarakat, termasuk mereka yang berbeza fahaman politik.

“Marilah kita bersama, dalam semangat satu bangsa satu negara, membangunkan tanah air tercinta ini,” katanya.